

# Projek SOGT pemangkin pembangunan Sabah – PM

Oleh SHARILFUDDIN SAARI

**PAPAR** 15 Feb. – Projek Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT) yang dibangunkan oleh Petronas di Kimanis dekat sini, akan menjadi pemangkin kepada pembangunan Sabah, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, projek itu yang melibatkan kawasan seluas 62.5 hektar, bukan sahaja akan menggalakkan industri petroleum di negeri itu tetapi juga menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan selain kerja kontrak.

“Petronas juga akan mewujudkan peluang kepada usahawan baru yang ada hubung kait dengan industri gas dan minyak.

“Dengan perkembangan ini, secara langsung ia akan membawa kemajuan kepada negeri Sabah,” katanya pada majlis pecah tanah SOGT hari ini.

Turut hadir Presiden Petronas, Tan Sri Mohd. Hassan Marican.

Beliau menyambut baik kesediaan Petronas untuk bekerjasama dengan beberapa institusi latihan tempatan termasuk Institut Kemahiran Mara, Institut Latihan Perindustrian Kota Kinabalu dan Pusat Giat Mara, bagi melatih anak tempatan dalam bidang yang diperlukan.

Abdullah berharap mereka yang menjalani kursus latihan kemahiran itu

akan diambil bekerja oleh Petronas khususnya di SOGT.

“Kalaulah mereka tidak ada kelayakan, tentu sekali mereka tidak boleh bekerja dengan Petronas dan pekerja-pekerja terpaksa diimport dan dibawa dari negeri lain.

“Ini menyebabkan kita semua kecewa kerana segala kekayaan dan peluang pekerjaan pergi kepada orang lain,” katanya.


Perdana Menteri berharap Petronas dapat melaksanakan program latihan seawal yang mungkin iaitu sementara SOGT sedang dibina.

Abdullah mahu semua agensi kerajaan bekerjasama membantu menjayakan program itu, dan berharap SOGT yang dijangka siap pada 2010, akan membawa kemakmuran kepada Sabah.

Pembinaan terminal itu yang akan bermula pada Jun ini dan dijangka siap pada Januari 2010 adalah untuk menerima, menyimpan dan mengeksport minyak mentah dari pelantar minyak Gumusut/Kakap, Kinabalu Deep & East, Keabangan dan Malika.

SOGT adalah komponen utama Projek Infrastruktur Bersepadu Minyak dan Gas Sabah yang juga meliputi pembangunan lapangan minyak dan gas luar pesisir Sabah selain pembinaan paip minyak sepanjang 500 kilometer ke Kompleks LPG Petronas di Bintulu, Sarawak.

Um- 16/2/2007



**ABDULLAH** Ahmad Badawi dan Mohd. Hassan Marican melihat model Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT) yang akan dibangunkan di Kimanis selepas majlis pecah tanah SOGT di Papar, Sabah, semalam.